

30/05/1997

Petugas sukarela ke luar negara

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia kini mampu menyumbang tenaga sukarela di peringkat antarabangsa melalui Yayasan Salam Malaysia yang akan dilancarkan pada 22 Julai ini, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pemangku Perdana Menteri berkata, pembabitan tenaga sukarela di peringkat luar sebagai susulan kejayaan misi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya mengangkat imej dan mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, Kemboja dan Afrika adalah kawasan yang dicadangkan sebagai projek perintis perkhidmatan sukarela itu.

"Inisiatif kita perlu kerana Malaysia sudah ada upaya dari segi sumbangan lain di kawasan terpinggir dalam negara dan kawasan luar negara yang memerlukan khidmat sukarela.

"Saya akan pastikan ini sebagai tindakan susulan terpenting kepada apa yang disarankan oleh Dr Mahathir selepas beliau berjaya mengangkat imej negara dalam pelbagai bidang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mempengerusikan majlis pertemuan dengan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhubung penubuhan Yayasan Salam di Jabatan Perdana Menteri, di sini hari ini.

Mesyuarat kira-kira sejam itu dihadiri lebih 30 wakil NGO, persatuan sukarela dan beruniform, yayasan kebajikan serta persatuan belia.

Ia antara lain bertujuan mengumpul input dan pandangan wakil berkenaan sebelum yayasan itu dilancarkan.

Bagi menjayakan program berkenaan, rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas dipelawa melakukan kerja kemasyarakatan di antara 12 dan 24 bulan di dalam atau luar negara.

Anwar berkata, kerajaan mengalu-alukan penyertaan lepasan universiti dan kolej serta pesara yang mempunyai kemahiran atau pengalaman berguna dalam program sukarelawan ala peace corps Amerika Syarikat itu.

"Sukarelawan dan sukarelawati akan menerima elaun mencukupi untuk makan, minum dan tempat tinggal, di samping kemudahan perubatan dan insurans yang sesuai sepanjang perkhidmatan mereka," katanya.

Pemangku Perdana Menteri berkata, Yayasan Salam bertanggungjawab menyemai dan mewujudkan semangat baru kesukarelaan generasi muda yang kini semakin luntur, walaupun semangat yang sama masih ada di kalangan golongan tua.

Selain misi bantuan kemanusiaan, tugas sukarelawan turut tertumpu kepada perkhidmatan teknikal dan pengajar bagi sesebuah komuniti.

Katanya, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, akan terbabit secara langsung menyokong yayasan berkenaan.

Bagaimanapun, Anwar menegaskan Yayasan Salam bebas daripada sebarang kepentingan politik dan perniagaan, sebaliknya khusus untuk melaksanakan misi sukarela dan bantuan kemanusiaan.

"Kerajaan akan memberi semua dukungan dan sokongan yang diperlukan oleh yayasan ini," katanya.

Pemangku Perdana Menteri berkata, fungsi Yayasan Salam tidak akan bertindih dengan pertubuhan, badan amal kebajikan serta yayasan sedia ada, sebaliknya menjadi pelengkap kepada kegiatan kesukarelaan seperti yang pernah dilakukan di Bosnia, Palestin dan Lebanon.

"Kita tidak akan bertindih, tetapi bekerjasama untuk membantu, menyalurkan dan mempertingkatkan lagi kegiatan yang dilaksanakan badan amal

dan kebajikan sedia ada melalui satu inisiatif tempatan," katanya.

Sukarelawan sepenuh masa di luar negara dijangka berkhidmat di antara dua bulan dan dua tahun serta diberi imbuhan khas yang minimum untuk membiayai kos makan minum ketika bertugas.

Anwar berkata, sukarelawan juga akan diberi kursus induksi termasuk belajar bahasa tempatan, jika penduduknya berkomunikasi selain bahasa Inggeris.

Pada majlis yang sama, beliau mengumumkan pelantikan sebahagian Lembaga Pengarah Yayasan Salam yang dipengerusikan oleh Pengerusi Tetap Mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Datuk Razali Ismail.

Turut menganggotai lembaga pengarah itu ialah Presiden Yayasan Amal Usiamas, Abdullah Malim Baginda; bekas Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Shamsuri Arshad; aktivis wanita, Marina Yusuf; Masidi Manjon (wakil Sabah); Ahli Parlimen Santubung, Rohani Karim (wakil Sarawak) serta Pengerusi Pusat Inisiatif Keamanan (Cenpeace), Mohd Anuar Tahir.

Beberapa tokoh muda daripada pertubuhan belia dan sukarela juga akan dilantik menganggotai lembaga itu.

Anwar turut meminta sektor swasta dan korporat membantu selain meminta jabatan memberi pengiktirafan kepada kakitangannya yang terbabit dalam misi yayasan.

"Dalam usaha mahu memupuk semangat kesukarelaan yang baru, pada masa yang sama kita harus mengiktiraf dan mengakui sumbangan pertubuhan sedia ada," katanya.

(END)